

# UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

*Press Release*  
*Kenyataan media*



12 Jun 2023

azadnurlisa@unimas.my  
UNIMAS Corporate  
Chancellory Division  
Universiti Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan  
Tel +60 82 51216  
Fax +60 82 665088

## SIRI LAWATAN KERJA YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN KE UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**Kota Samarahan, 12 Jun 2023:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada hari ini telah menerima kunjungan delegasi Menteri Pendidikan Tinggi yang diketuai oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Ketibaan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Ybhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong Matjeraie bersama Naib Canselor UNIMAS; Ybhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi bersama pengurusan UNIMAS yang lain. Lawatan ini merupakan lawatan yang pertama ke UNIMAS oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin selepas menerajui semula Kementerian Pendidikan Tinggi.

Objektif utama siri lawatan kerja ini adalah sesi perbincangan mengenai pencapaian dan hala tuju UNIMAS, yang menjadi salah satu universiti awam unggul di Borneo. Dalam siri lawatan kerja ini, YB Menteri turut diberi taklimat oleh Naib Canselor UNIMAS berkaitan peranan universiti, status semasa serta perancangan dan hala tuju universiti yang diadakan di Bilik Mesyuarat Universiti (BMU). Acara menanam pokok di Dataran Bucida Canselori juga telah diadakan sebagai tanda kenangan kehadiran YB Menteri ke UNIMAS.

Rombongan Menteri Pendidikan Tinggi juga telah dibawa melawat ke UNIMAS InnoTech Hub, Penubuhan UNIMAS InnoTech Hub sejajar dengan inisiatif kerajaan dalam memajukan penyelidikan dan pembangunan negeri. Sememangnya, UNIMAS InnoTech Hub berperanan menjadi pusat penyelidik dan industri untuk meneroka potensi produk.

Seterusnya, rombongan YB Menteri juga turut melawat Tapak Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan UNIMAS yang kini pensasaran pembinaan dipecahkan kepada dua (2) fasa. Bagi Fasa 1 iaitu Pusat Kesihatan Prima sudah mencelah fasa 71% pembinaan dan dijadualkan siap pada 26 September 2023. Manakala, bagi Fasa 2 iaitu Blok Utama Hospital, sudah mencalah 2.4% fasa pembinaan dan dijadualkan siap pada 22 September 2025.

Hospital Pengajar ini nanti akan memuatkan 300 buah katil, memberikan perkhidmatan rawatan buat warga setempat khususnya di Kota Samarahan. Malahan, pusat rehabilitasi, *respiratory medicine* dan *reconstructive medicine* adalah *niche area* utama di Hospital Pengajar UNIMAS kelak. Di antara perkhidmatan yang akan diberikan ialah perubatan, general surgery, plastic surgery, ortopedik, ENT, Ophthalmology, Neurosurgeri, Obstetric & Gynaecology, Paediatrics, Psikiatri, Emergency Medicine dan Radiologi dan Patologi.

**U N I M A S**